

Nyatakan **BETUL** atau **SALAH** bagi ayat di bawah ini.

1	Kebajikan anak-anak adalah di sudut tanggungan ibu bapa.	BETUL	SALAH
2	Amalia menyimpan nombor telefon kawan baiknya ke dalam telefon bimbit.	BETUL	SALAH
3	Pak Nordin menebas semak di atas rumahnya.	BETUL	SALAH
4	Kawasan perkelahan itu terletak di bawah sungai.	BETUL	SALAH
5	Bapa berdiri di tepi kereta sambil berbual-bual dengan kawannya.	BETUL	SALAH
6	Terdapat dua bilah gunting di dalam kotak itu.	BETUL	SALAH
7	Peragawati itu sedang memperagakan pakaian moden di bawah pentas.	BETUL	SALAH
8	Di seberang sungai itu ada sebuah pondok usang.	BETUL	SALAH
9	Jonathan berdiri di sisi kuda yang hendak ditunggangnya.	BETUL	SALAH
10	Pengawas itu berdiri di bawah murid -murid semasa perhimpunan dijalankan	BETUL	SALAH
11	Petani bertungkus-lumus menuai padi di bawah cahaya matahari yang terik.	BETUL	SALAH
12	Sazali duduk di sudut ibu dan kakaknya semasa menonton televisyen.	BETUL	SALAH
13	Udara di puncak bukit itu nyaman dan dingin.	BETUL	SALAH
14	Darwissa memasukkan surat ke hadapan sampul surat sebelum mengeposkannya.	BETUL	SALAH
15	Kanak-kanak yang malang itu lemas kerana terjatuh ke dalam sungai.	BETUL	SALAH

Lengkapkan ayat di bawah ini dengan KATA ARAH yang sesuai.

1. Rizqullah menjerit dengan kuatnya kerana dia terjatuh ke _____
longkang yang sangat dalam.
2. Cikgu Fatin mengajar di _____ kelas.
3. Suhana menulis dengan tangan _____
4. Monyet itu pantas memanjat naik ke _____ pokok.
5. Amizal menyimpan baki wang sekolahnya ke _____
tabung.
6. Ameerah meletakkan sudu dan piring di _____
meja.
7. Naqib, Hadi dan Hafiz merancang ingin naik ke _____
Bukit Saeh.